

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN NO. 4

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha drastik yang dilakukan oleh pihak Kementerian untuk menginstitusikan dan meningkatkan perwakilan wanita di Parlimen serta perancangan jangka panjang secara sistemik untuk memastikan sasaran minimum 30% dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN NO. 30

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

- (a) apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian untuk menginstitusikan dan meningkatkan perwakilan wanita di Parlimen; dan
- (b) apakah perancangan jangka panjang secara sistematik untuk memastikan kuota minimum 30% dilaksanakan menjelang pilihan raya umum akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mohon menjawab pertanyaan **YB Merbok** ini bersekali dengan pertanyaan **YB Kuantan** pada **5 Oktober** 2021 mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menyokong sebarang bentuk usaha meningkatkan penglibatan wanita dalam bidang kepimpinan termasuklah sebagai pembuat keputusan. Dalam hal ini, Kerajaan telah mengumumkan pernyataan dasar untuk mencapai sekurang-kurangnya **30% wanita sebagai pembuat keputusan di sektor awam pada tahun 2004 dan di sektor swasta pada tahun 2011**. Berdasarkan statistik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 2020, telah terdapat 38.2% penjawat awam wanita di peringkat pembuat keputusan melalui pengisian Gred Utama C dan ke atas. Manakala di sektor swasta pula ia baru mencecah 25.8% dan ini adalah berdasarkan keanggotaan wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah di 100 syarikat tersenarai awam yang teratas.

Jumlah Perwakilan Wanita di Dewan Rakyat adalah 15% iaitu 33 Wanita daripada 220 (2 kekosongan) jumlah keseluruhan dan Dewan Negara pula adalah 15% iaitu 8 Wanita daripada 53 (17 kekosongan) ahli Dewan Negara. Berdasarkan Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020, didapati terdapat jurang gender yang agak ketara antara lelaki dengan wanita dalam penyertaan politik iaitu dengan skor 0.108 daripada 1.0 skor penuh.

KPWK berpandangan bahawa **usaha untuk meningkatkan perwakilan wanita di Parlimen merupakan tanggungjawab asas semua parti politik** kerana ia bergantung sepenuhnya kepada jumlah kerusi yang diperuntukkan untuk wanita bertanding sebagai wakil rakyat

SOALAN NO. 4 DAN 30

serta jumlah kemenangan yang diperoleh oleh mereka. Selain itu, perlu juga disediakan persekitaran yang menyokong penglibatan wanita secara produktif, bermula daripada memupuk minat melalui latihan dan pendidikan, sehinggalah kepada usaha untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi yang menghalang wanita untuk berkecimpung dalam kepimpinan dan politik.

KPWKM juga berpandangan bahawa program-program kepekaan gender turut memainkan peranan yang signifikan kerana ia akan memberikan pemahaman tentang kepentingan penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan termasuklah sebagai seorang Ahli Parlimen. Ini merupakan antara perkara bersifat sistemik yang perlu diberikan perhatian bagi menghapuskan pandangan stereotaip yang mengehendak penyertaan wanita dalam bidang-bidang tertentu.

Pelbagai program advokasi bagi meningkatkan kesedaran mengenai gender dan kapasiti kepimpinan telah diadakan oleh Kementerian. Pada tahun ini sehingga Ogos 2021, Jabatan Pembangunan Wanita telah menganjurkan sebanyak **178 program** dengan penglibatan seramai **95,182 peserta** bagi merealisasikan pemerkasaan wanita.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan penjelasan berkaitan nisbah pekerja sosial yang sedia ada dan apakah tindakan yang diambil untuk memenuhi kekurangan yang sangat ketara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bidang Kerja Sosial dipraktikkan merentas pelbagai kementerian, agensi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) malah meliputi individu dalam sektor perkhidmatan kebajikan, pendidikan dan kesihatan. Buat masa ini **tiada statistik rasmi bilangan Pekerja Sosial direkodkan memandangkan tiada satu perundangan dan badan kawal selia (*Regulatory Body*)** yang melaksanakan pendaftaran profesion ini sebagaimana profesion-profesion lain antaranya Pegawai Perubatan, Jururawat, Peguam dan Jurutera.

Pada umumnya, **sehingga Ogos 2021, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai bilangan pegawai Skim Sosial (Skim S) seramai 3,814** orang yang memberikan fokus kepada skop tugas pekerja sosial **melibatkan pengurusan kes (*case management*)** kepada kumpulan sasaran.

Berdasarkan kajian **oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) tahun 2019**, nisbah Pekerja Sosial di JKM berbanding populasi penduduk Malaysia adalah **1:8,576** (Seorang Pekerja Sosial di JKM kepada 8,576 orang penduduk Malaysia). Nisbah ini dilihat amat besar jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti **1:490 di Amerika Syarikat, 1:1,040 di Australia, 1:3,025 di United Kingdom.**

KPWKM memberikan komitmen penuh dalam usaha meningkatkan profesionalisme dalam bidang kerja sosial yang sekali gus dapat meningkatkan bilangan pekerja sosial di Malaysia. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan adalah:

- i) **Penggubalan Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial.** Justeru sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah penting apabila Rang Undang-undang ini dibentangkan di Parlimen kelak;

- ii) **Mengadakan sesi konsultasi dengan semua Kerajaan Negeri, pekerja sosial dalam sektor awam, sektor pendidikan dan pengamal kerja sosial dalam Badan Bukan Kerajaan (NGO);**
- iii) **Pelan Strategik KPWKM 2021 - 2025** di mana salah satu langkah strategik yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah untuk menjadikan perkhidmatan kerja sosial sebagai perkhidmatan yang profesional; dan
- iv) **Penglibatan Malaysia secara langsung dalam proses merangka dokumen *Roadmap to Implement Ha Noi Declaration on Strengthening Social Work Towards Cohesive and Responsive ASEAN Community*. Roadmap** ini bertujuan untuk dijadikan garis panduan Negara Anggota ASEAN dalam mempromosi kerja sosial serta mempertingkatkan peranan dan kapasiti pekerja sosial dalam pelbagai bidang.

Seterusnya, dalam meningkatkan penglibatan dan penyertaan masyarakat dalam bidang kerja sosial, kerjasama strategik antara pihak KPWKM dengan pihak berkaitan sedang giat dilaksanakan antaranya:

- i) Penawaran **bidang kerja sosial di 8 institusi pengajian tinggi awam** dan 2 institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia yang menawarkan pendidikan dari peringkat diploma hingga Doktor Falsafah; dan
- ii) **KPWKM melalui JKM dilantik sebagai *Industry Lead Body (ILB)* oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang turut menawarkan kursus-kursus melalui Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) Kerja Sosial seperti Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5 dalam Bidang Kerja Sosial.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN ISNARAISAH MUNIRAH
MAJILIS [KOTA BELUD]**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan:**

- (a) statistik bagi pendakwaan terhadap mereka yang telah didakwa atas kesalahan bunuh diri menurut Seksyen 309 Kanun Keseksaan sepanjang tempoh pandemik; dan
- (b) inisiatif yang tidak berorientasikan perundangan bagi membantu mereka yang mempunyai masalah tekanan mental yang berkecenderungan untuk bunuh diri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Belud, di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri, tiada pendakwaan dijalankan di bawah Seksyen 309 Kanun Keseksaan sepanjang tempoh pandemik. Namun begitu, mulai Mac 2020 sehingga Disember 2020, kes cubaan bunuh diri yang dilaporkan adalah 190 kes bagi seluruh negara yang terdiri dari 138 lelaki dan 52 wanita. Pada bulan Januari 2021 sehingga Ogos 2021, sebanyak 221 kes cubaan bunuh diri dilaporkan yang terdiri dari 159 lelaki dan 62 wanita.

Usaha bagi penyelesaian masalah tekanan mental dan bunuh diri adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan. Bagaimanapun, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Kaunselor turut sama melaksanakan pelbagai program sokongan psikososial bagi membantu masyarakat menangani masalah psikologi termasuk cubaan kes bunuh diri.

KPWKM melalui Lembaga Kaunselor telah mengambil beberapa inisiatif yang tidak berorientasikan perundangan bagi membantu mereka yang mempunyai masalah tekanan mental yang berkecenderungan untuk bunuh diri.

Bantuan sokongan psikologi dan sosial amat diperlukan untuk menjadikan masyarakat lebih sejahtera. KPWKM melalui Lembaga Kaunselor telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu mereka yang mengalami masalah psikologi atau emosi semasa penularan wabak COVID-19 seperti:

- **Khidmat Aduan Atas Talian** melalui Talian Kasih 15999 atau aplikasi *WhatsApp* di nombor 019-26 15999. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari yang mana talian ini berfungsi sebagai *single point of contact* kepada semua masyarakat untuk mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan mahupun

permohonan bantuan. Skop perkhidmatan Talian Kasih merangkumi aspek berkaitan penderaan, kaunseling, gelandangan, perlindungan, kebajikan, talian kanak-kanak, perkhidmatan kesihatan reproduktif, masalah sosial remaja dan perkara yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian;

- **Khidmat Sokongan Psikologi Atas Talian** bagi membantu masyarakat yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan. Talian Khas ini melibatkan seramai 250 orang sukarelawan kaunselor berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia;
- Selain daripada dua talian di atas, agensi-agensi kerajaan yang lain juga ada menyediakan perkhidmatan dalam talian seperti:
 - Mental Health and Psychological Support Service yang diuruskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
 - KSK Care Centre@Masjid Tunku Mizan Zainal Abidin yang diuruskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia;
- KPWKM melalui Lembaga Kaunselor telah mendaftarkan Sukarelawan Kaunselor Berdaftar bagi membantu masyarakat dalam menangani isu psikososial. Sukarelawan Kaunselor Berdaftar ini merupakan satu entiti formal di bawah KPWKM dalam usaha membantu masyarakat dan menyediakan bantuan profesional kepada masyarakat yang memerlukan. Selain membantu melaksanakan aktiviti seperti Talian Kasih 15999 Khas COVID-19, Sukarelawan Kaunselor Berdaftar juga menyediakan khidmat psiko-sosial di peringkat komuniti dan bantuan psikologi semasa berlakunya bencana untuk melaksanakan sokongan bantu mula psikologi (*Psychological First Aid*) kepada mangsa dan waris yang terkesan;
- Lembaga Kaunselor Malaysia bersama Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) menjayakan siaran program TV bagi sokongan kaunseling di dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia bermula pada 1 Jun 2021 bagi memberi maklumat dan informasi mengenai kesihatan psiko-sosial dan sokongan emosi;

SOALAN NO. : 37

- KPWKM melalui Lembaga Kaunselor telah melaksanakan program sokongan psiko-sosial melalui saluran YouTube TV Lembaga Kaunselor Malaysia;
- Lembaga Kaunselor juga telah menyediakan direktori sukarelawan kaunselor berdaftar untuk rujukan agensi KPWKM;
- KPWKM juga telah merancang bantuan jangka panjang psiko-sosial di Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) yang akan dikendalikan oleh Sukarelawan Kaunselor Berdaftar;
- Kementerian ini bersama-sama dengan Agensi Kerajaan lain sentiasa komited untuk menyediakan perkhidmatan sokongan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat Malaysia demi kemakmuran bersama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Puan Hannah Yeoh Tseow Suan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik terkini Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak mengikut pecahan negeri, jumlah permohonan, status semakan, kekerapan mengemas kini data dan pecahan keputusan yang mempunyai rekod dan tidak mempunyai rekod.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat **menyimpan dan menyenggara maklumat berkenaan kanak-kanak di dalam suatu daftar yang dikenali sebagai Daftar Kanak-kanak. Maklumat pesalah kes kanak-kanak didaftarkan di bawah Daftar Kanak-Kanak ini adalah diperolehi daripada Pendaftar Mahkamah seluruh negara.** Sistem semakan pesalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak telah dikuatkuasakan pada 1 April 2019.

Berdasarkan statistik terkini, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menerima **279 permohonan** bagi menyemak pesalah jenayah seksual kanak-kanak dari pelbagai agensi dan individu. Daripada jumlah permohonan tersebut, seramai **4,771 individu** telah disemak bagi tempoh 2019 hingga Julai 2021.

Berdasarkan statistik JKM, Negeri Selangor mencatatkan jumlah individu paling tinggi yang dimohon untuk membuat semakan pesalah jenayah seksual iaitu sebanyak **1,299 orang. Seterusnya** diikuti dengan Negeri Sarawak sebanyak **680** orang dan Negeri Kedah sebanyak **657** orang. Pecahan permohonan mengikut negeri bagi semakan pesalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak adalah seperti berikut:

Pecahan Permohonan Semakan Mengikut Negeri

BIL.	NEGERI	SEHINGGA JULAI 2021 (KUMULATIF)	
		JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH INDIVIDU YANG DISEMAK
1.	Selangor	31	1,299
2.	Sarawak	7	680
3.	Kedah	83	657
4.	Sabah	14	537
5.	WPKL	69	535

BIL.	NEGERI	SEHINGGA JULAI 2021 (KUMULATIF)	
		JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH INDIVIDU YANG DISEMAK
6.	N.Sembilan	1	352
7.	Kelantan	39	204
8.	Terengganu	3	181
9.	Perak	5	131
10.	Pahang	10	77
11.	Johor	6	40
12.	Perlis	4	21
13.	P.Pinang	5	33
14.	Melaka	2	24
15.	Labuan	0	0
JUMLAH		279	4,771

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem semakan pesalah jenayah seksual kanak-kanak bukanlah satu-satunya kaedah menghalang jenayah, namun ia **merupakan pendekatan bagi melindungi kanak-kanak dan mengekang jenayah kanak-kanak daripada berlaku serta berulang.** Seseorang yang ingin mengambil pekerja dalam bidang berkaitan pengurusan kanak-kanak boleh membuat semakan untuk memastikan individu yang diambil bekerja bebas daripada rekod jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Berdasarkan rekod JKM, **semua individu yang disemak tidak mempunyai rekod jenayah seksual terhadap kanak-kanak.** Maklumat pelaku yang telah disabitkan atas apa-apa kesalahan terhadap kanak-kanak yang **diperolehi dari Pendaftar Mahkamah akan dikemaskini di dalam sistem semakan pesalah jenayah seksual kanak-kanak setiap tiga (3) bulan sekali.**

Sekian, terima kasih.